

**Kompas Perlembagaan**

**ANJURAN  
PEMBINA UIAM**



**Associate Professor Dr Khairil Azmin Mokhtar**  
Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws (AIKOL),  
International Islamic University Malaysia (IIUM)  
ka\_mokhtar@iium.edu.my

**Bahasa Rasmi**

- Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa bahasa Melayu yang dikenali juga sebagai bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi yang tidak boleh dipertikai fungsi dan peranannya sebagai Bahasa Kebangsaan. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dimantapkan dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Kepentingannya sebagai bahasa ilmu yang menjadi medium pengajaran dan pembelajaran telah membawa kepada pewartaan Akta Pendidikan 1961 (Pindaan 1996). Namun pada masa yang sama, masyarakat pelbagai kaum di Malaysia bebas menggunakan bahasa lain seperti bahasa Mandarin oleh orang Cina dan bahasa Tamil oleh orang India. Selain itu bahasa Inggeris masih mendominasi bahasa perdagangan dan perindustrian negara.
- Kerajaan Malaysia juga menggalakkan rakyatnya menguasai bahasa-bahasa antarabangsa yang lain khususnya untuk bidang pelancongan dan perdagangan antarabangsa.

Pembinaan jati diri bangsa Malaysia sangat wajar dipupuk melalui bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu dalam wadah pendidikan negara. Di sinilah penyatuhan dan perpaduan bangsa dapat dipupuk dan diharmonikan. Pada tahun 2003, kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik (PPSM) di sekolah menengah dan kebangsaan di seluruh Malaysia.

Pelaksanaan ini mengambil kira masa depan sumber tenaga manusia untuk Malaysia mencapai status negara maju dan persaingannya pada peringkat antarabangsa. Juga ditetikkan bahawa ia merupakan proses pemindahan ilmu dengan harapan dasar ini mampu meningkatkan penggunaan matematik dan sains dalam kalangan pelajar sekali gus menguasai bahasa Inggeris. Begitulah rasional yang disebarkan dalam portal Kementerian Pendidikan Malaysia, sehingga hal ini bagi tsunami yang melanda dalam sektor pendidikan apabila wujud dua blok pemisah yang menjadi watak penyokong dan pembangang dalam pelaksanaan PPSM.

Pihak yang membentah pastilah mereka bersetuju untuk tidak bersetuju kerana gagasan ini beranggama dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menjadikan bahasa Melayu sebagai teras bahasa pendidikan.

**Kompas Perlembagaan**

1.  
Bahasa Melayu jelas merupakan satu jalan yang boleh menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Dan Bahasa Melayu juga telah diberikan kedudukan yang istimewa dalam artikel 152 Perlembagaan Persekutuan. Namun, kita masih lagi ada masalah rakyat yang tidak fasih atau tidak boleh berbahasa Melayu termasuklah wakil wakil rakyat. Mohon komen Dr tentang isu ini dari sudut Perlembagaan dan apa punca kepada masalah ini.

2.  
Penubuhan sekolah vernakular puluhan tahun dahulu agak memberikan kesan yang sedikit buruk terhadap perpaduan antara kaum di negara ini. Hal ini kerana setiap kaum secara tak langsung tidak bergaul dengan kaum yang lain. Apakah sudut pandang Perlembagaan tentang hal ini ? Adakah menjadi satu keperluan untuk kita mansuhkan ?

AL-QURAN menjadi kitab pencetus bahasa terawal di dunia sebagai mukjizat junjungan besar Muhammad SAW seperti mana firman Allah dalam surah Ibrahim ayat 4, "Kami tidak mengutuskan mana-mana rasul melainkan dengan bahasa ibunda kaumnya..."

Dan dalam titah Raja Nazrin Shah semasa pelancaran buku The Malays karya Anthony Milner di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2009, baginda menegaskan bahawa bangsa Melayu terikat dengan adat, bersimpul bahasa dan berasarkan agama.

Jelas menunjukkan bahawa bahasa tunjang jati diri bangsa. Betapa molek ciptaan Tuhan apabila memberi kedudukan istimewa pada setiap bahasa yang mewakili bangsa masing-masing. Dalam konteks bangsa Malaysia, bahasa kebangsaan inilah yang menjadi akar pembinaan jati diri bangsa. Kekuatannya terletak pada bahasa yang diperkaya dalam khazanah persuratan bangsa Melayu termasuk dalam pantun, seloka, gurindam, syair, nazam, endul dan sebagainya.

- Diperkuatkan lagi dengan percanggahan dalam Perlembagaan Persekutuan yang mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan Malaysia.
- Bagi para pencinta bahasa Inggeris pula, mereka meletakkan sokongan pada hujah bahawa bahasa Melayu tidak mampu bersaing sebagai bahasa ilmu dalam bidang sains dan teknologi.
- Banyak istilah sains dan teknologi yang tidak wujud dan tidak sempurna dalam bahasa Melayu.
- Jika kita singkap sejarah ketamadunan manusia dalam ruang penggunaan dan kecermerlangan bahasa ini, kita tidak boleh menafikan tentang sejarah awal Jerman yang kini muncul sebagai negara maju, bermula dengan kekacauan dan kebingungan mereka sendiri dalam menentukan teras bahasa mereka dalam sistem pendidikan.